




PERANGKAAN PEMBUATAN DESEMBER 2023


Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan sebanyak 4.2 peratus untuk merekodkan RM149.9 bilion pada Disember 2023
Seramai 2.37 juta orang pekerja dalam sektor ini dengan gaji dan upah dibayar berjumlah RM8.74 bilion



Nilai Jualan, RM Bilion




Lebih dua pertiga daripada nilai jualan Pembuatan disumbangkan oleh subsektor Peralatan Elektrik & Elektronik (31.9%); Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (23.7%); dan Makanan, Minuman & Tembakau (18.1%) pada Disember 2023



Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik


Industri Berorientasikan Domestik, 30.8%




Nilai jualan industri berorientasikan eksport terus merosot sebanyak 8.4 peratus manakala industri berorientasikan domestik terus kukuh dengan merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 6.7 peratus pada Disember 2023

Industri Berorientasikan Eksport, 69.2%


(% YoY) Berorientasikan Domestik Berorientasikan Eksport




Pekerja, orang



Gaji & Upah, RM Bilion



Jualan per Pekerja, RM Ribu




% YoY


Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah mengikut Subsektor, Disember 2023



Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST3 2022 - ST4 2023



Nilai Jualan Sektor Pembuatan, 2020 - 2023



%YoY: Peratus perubahan tahun ke tahun
%MoM: Peratus perubahan bulan ke bulan

Sumber: Perangkaan Pembuatan Malaysia, Disember 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia



Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan sebanyak 4.2 peratus untuk merekodkan RM149.9 bilion pada Disember 2023

- Nilai jualan sektor Pembuatan susut 4.2 peratus kepada RM149.9 bilion pada Disember 2023 (November 2023: -2.6%), merekodkan penurunan terbesar sejak Mei 2020 (-20.4%). Kejatuhan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh penurunan berterusan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik sejak Jun 2023, mencatatkan negatif 13.6 peratus pada Disember 2023 (November 2023: -10.8%). Tambahan lagi, subsektor Peralatan elektrik & elektronik menurun 4.6 peratus (November 2023: -5.3%) manakala subsektor Makanan, minuman & tembakau menyusut 2.6 peratus (November 2023: 2.0%). Berbanding bulan sebelumnya, nilai jualan menguncup 3.3 peratus berbanding RM155.0 bilion yang direkodkan pada November 2023 (-1.1%).
- Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili hampir 70 peratus daripada jumlah jualan, terus merosot sebanyak 8.4 peratus pada Disember 2023 selepas menguncup 6.9 peratus pada November 2023. Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh kejatuhan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis pada negatif 24.9 peratus, diikuti oleh Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-8.6%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-4.8%).
- Industri berorientasikan domestik terus kukuh dengan merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 6.7 peratus pada Disember 2023 (November 2023: 8.8%) disokong terutamanya oleh pengembangan kukuh dalam Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan sebanyak 11.5 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler mengalami pertumbuhan 8.0 peratus manakala Pembuatan produk pemprosesan makanan meningkat 6.8 peratus. Perbandingan asas bulan ke bulan, industri berorientasikan kedua-dua eksport dan domestik masing-masing menurun 3.9 peratus dan 1.8 peratus.
- Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.37 juta orang pada Disember 2023, meningkat 1.7 peratus berbanding 2.34 juta orang yang dicatatkan pada Disember 2022. Pertambahan tersebut sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (5.9%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.3%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (2.2%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini menurun sedikit 0.1 peratus.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



- Gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM8.7 bilion pada Disember 2023. Berbanding November 2023, gaji & upah yang dibayar meningkat 7.3 peratus berbanding dengan pertumbuhan kecil 0.04 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Selain itu, nilai jualan bagi setiap pekerja menurun 5.8 peratus untuk merekodkan RM63,121 manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja pada Disember 2023 adalah RM3,683 yang meningkat sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun.
- Pada suku tahun keempat 2023, nilai jualan sektor Pembuatan terus menyusut untuk tiga suku tahun berturut-turut, menurun 2.7 peratus tahun ke tahun untuk mencapai RM461.5 bilion (ST3 2023: -2.9%). Kemerosotan tersebut disebabkan oleh subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (-11.2%); dan Peralatan elektrik & elektronik (-4.2%). Sebaliknya, bilangan pekerja dan gaji & upah pada suku tahun berkenaan, masing-masing menyederhana kepada 1.7 peratus (ST3 2023: 2.4%) dan 2.9 peratus (ST3 2023: 3.0%).
- Bagi merumuskan prestasi keseluruhan tahun 2023, nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM1.8 trilion, meningkat marginal sebanyak 0.2 peratus berbanding tahun 2022 (15.8%). Pada tahun berkenaan, bilangan pekerja menokok sebanyak 1.7 peratus untuk merekodkan seramai 2.37 juta orang dengan gaji & upah meningkat 3.5 peratus kepada RM97.8 bilion. Selanjutnya, nilai jualan per pekerja mencatatkan penyusutan 1.5 peratus, berjumlah RM759,735.

